

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]
TARIKH : 10.6.2014
NO. SOALAN :

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) penjelasan berkaitan kenyataan seorang pakar ekonomi daripada Bank Dunia, Dr. Frederico Gil Sander yang menyatakan bahawa sistem pendidikan Malaysia tidak setanding dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian untuk meningkatkan tahap pendidikan negara setaraf piawaian serantau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perbandingan sistem pendidikan antara negara diukur melalui TIMSS dan PISA yang melibatkan penilaian terhadap mata pelajaran Matematik, Sains dan Bacaan. Dalam menentukan kualiti pendidikan, KPM perlu juga melihat kepada usaha-usaha seperti merapatkan jurang bandar dan luar bandar, akses kepada pendidikan berkualiti, meningkatkan perpaduan dan membentuk murid yang beridentiti nasional.
- b) KPM telah menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dengan 11 anjakan untuk mencapai 5 aspirasi sistem dan 6 aspirasi pelajar. Dalam usaha meningkatkan tahap pendidikan

usaha telah ditumpukan kepada meningkatkan kualiti guru dan pemimpin sekolah bagi melaksanakan kurikulum yang ditandaaras dengan standard antarabangsa. KPM juga berusaha untuk meningkatkan infrastruktur semua sekolah. Dalam menjayakan PPPM semua pihak perlu memainkan peranan termasuk ibu bapa, agensi kerajaan dan swasta.

Komen oleh pakar ekonomi Bank Dunia tersebut telah dilapor oleh pihak media secara berat sebelah kerana memberi gambaran bahawa selama ini Kementerian tidak sedar akan kelemahan kita dan tidak berbuat apa-apa untuk meningkatkan mutu pendidikan. Pihak media sengaja tidak melapor kenyataan pakar tersebut bahawa kesediaan Malaysia untuk terus mengambil bahagian dalam kajian TIMSS dan PISA menunjukkan Malaysia bersungguh-sungguh dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan negara.